

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN DR. KELVIN YII LEE WUEN (BANDAR  
KUCHING)**

**SOALAN**

**DR. KELVIN YII LEE WUEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah untuk menangani perjudian '4D' haram yang semakin berleluasa di Kuching dan juga seluruh Sarawak, yang bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada negara dari aspek cukai pendapatan tetapi juga meningkatkan masalah sosial terutamanya di kalangan golongan muda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius akan isu perjudian haram yang semakin berleluasa di Kuching dan juga seluruh negeri Sarawak.

KDN melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil tindakan proaktif yang berterusan bagi menangani masalah ini. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti;

- i. mewujudkan bilik gerakan khas dadu (mula beroperasi pada bulan Julai 2018) bagi memudahkan orang awam melaporkan dan menyalurkan maklumat melalui talian *hotline* yang disediakan;

## SOALAN NO : 245

- ii. bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan syarikat-syarikat utiliti negeri bagi tujuan penggantungan bekalan elektrik dan air di premis-premis yang telah dikenalpasti menjalankan kegiatan perjudian haram ini;
- iii. bekerjasama dengan wakil agen dari syarikat nombor ramalan berlesen seperti Magnum 4D, Sports Toto, DaMaCai dan Sarawak Cash Sweep bagi menangani perjudian loteri awam tanpa lesen yang beroperasi berhampiran premis nombor ramalan berlesen yang sedia ada;
- iv. mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 serta undang-undang pencegahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA); dan
- v. membuat hebahan melalui media masa bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan semasa kepada masyarakat mengenai kegiatan perjudian haram serta hukumannya.

Pada masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri juga turut dilibatkan di dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk ditambah baik supaya sentiasa selaras dengan perkembangan semasa.

Kegiatan perjudian '4D' ini juga dikatakan sering menjadi punca kepada kerugian negara dari aspek cukai pendapatan dan turut menyumbang kepada peningkatan masalah sosial terutamanya dalam kalangan golongan muda. Kementerian juga ingin menyeru masyarakat agar membantu melaporkan sebarang aktiviti perjudian haram yang diketahui berlaku kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan selanjutnya.